



## PETIKAN AKHBAR

# Bernama - Kerajaan Rancang Penempatan Semula 8,000 Kakitangan Syarikat Penerbangan - Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 06 NOVEMBER 2020



**KUALA LUMPUR, 6 Nov** - Kerajaan akan menyediakan program latihan dan penempatan semula bagi 8,000 kakitangan dari syarikat penerbangan di Malaysia yang terkesan dengan kehilangan kerja akibat pandemik COVID-19.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata bagi tujuan itu, RM50 juta disediakan, kerana kerajaan sedar bahawa sektor pelancongan membabitkan syarikat penerbangan merupakan antara paling terkesan ekor an wabak itu.

Sewaktu membentangkan Belanjawan 2021 bertemakan ‘Teguh Kita, Menang Bersama’ di Parlimen hari ini, Tengku Zafrul berkata kerajaan juga akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 500 orang daripada komuniti setempat dan Orang Asli sebagai juru pandu pelancong di semua taman negara.

Beliau berkata bagi memastikan ketersediaan tempat tumpuan pelancong, sebanyak RM50 juta disediakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan pelancongan di seluruh negara.

“Sejumlah RM20 juta diperuntukkan bagi menambah baik infrastruktur dan mempergiat promosi Kampung-Kampung Budaya di Terengganu, Melaka, Sarawak dan Negeri Sembilan.

“Selain itu, sebanyak RM10 juta pula diperuntukkan bagi memastikan bangunan warisan kebangsaan seperti Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara juga akan terus kekal terpelihara menjadi ikon pelancongan,” katanya.

Tengku Zafrul berkata kerajaan juga menyediakan RM35 juta kepada Malaysia Healthcare Travel Council bagi meningkatkan daya saing industri pelancongan kesihatan negara.

Tegasnya kerajaan juga akan melanjutkan pengecualian cukai pendapatan bagi eksport perkhidmatan jagaan kesihatan swasta sehingga 2020.

Beliau berkata kekurangan kehadiran pelancong dapat dirasai peniaga dan penaja termasuk di Sabah, dan lantaran itu, Geran Khas Prihatin Tambahan sebanyak RM1,000 diberikan kepada mereka selain pemandu teksi, e-hailing, kereta sewa dan pemandu pelancong.

Sementara itu Tengku Zafrul berkata, bagi membantu mengurangkan beban aliran tunai syarikat yang masih terjejas, pengecualian levi tabung Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) akan diberikan selama enam bulan berkuatkuasa 1 Jan 2021 meliputi sektor pelancongan dan syarikat terjejas dengan COVID-19.

-- BERNAMA

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

## POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)[HARGA MINYAK](#)[PRICE OF PETROLEUM](#)[TENGKU ZAFRUL](#)[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)[KWSP](#)[I-SINAR](#)[SINAR HARIAN](#)[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)[PRIHATIN MOF](#)[PERMAI](#)[BERITA HARIAN](#)